

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN SUKAN
ANTARA BAHAGIAN KEMENTERIAN KERJA RAYA
DAN SUMBANGAN ANAK-ANAK CEMERLANG**

**22 JULAI 2020
(RABU)**

4.30 PETANG

**BILIK TANJUNG, ARAS 6,
BLOK A, KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha KKR

merangkap Penasihat Kelab Sukan dan Kebajikan KKR

YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Dasar Dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Embong

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Pengurusan)

Yang Berusaha Encik Izamael Zamzuri bin Ismail

Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan KKR

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Pegawai-pegawai kanan Kementerian, Ahli-ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan KKR, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul pada petang ini untuk menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Sukan Antara Bahagian Kementerian Kerja Raya dan Sumbangan kepada Anak-Anak Cemerlang ahli kelab.

2. Saya dimaklumkan penganjuran Kejohanan Sukan dwi-tahunan ini melibatkan sebanyak 4 pasukan yang bertanding iaitu PAVER, GRADER, EXCAVATOR dan ROLLER dengan peserta yang terdiri daripada semua Bahagian dan Unit di Kementerian Kerja Raya. Pada hemat saya, penganjuran kejohanan yang melibatkan 17 jenis acara sukan seperti ini mampu menerap dan memupuk semangat muhibah, persefahaman dan keharmonian dalam kalangan para peserta yang mengambil bahagian.

3. Sehubungan itu, saya amat menghargai penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan kejohanan sukan ini sejajar dengan usaha mewujudkan perkhidmatan awam yang bukan sahaja berkualiti dalam penyampaian perkhidmatan, malah turut aktif dalam program-program berbentuk sukan dan riadah. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam Kejohanan pada tahun ini.

4. Tidak dinafikan, kemenangan memanglah penting bagi setiap pertandingan, tetapi apa yang lebih utama dalam sesuatu pertandingan ialah dengan mengutamakan semangat kesukanan. Saya yakin dan percaya, melalui semangat kesukanan yang tinggi, kita bukan sahaja dapat mengekalkan kecergasan tubuh badan dan minda yang cerdas, malah kita akan turut dapat menerapkan nilai-nilai positif seperti disiplin, toleransi, dan semangat bekerja sebagai satu pasukan dalam jati diri kita. Semoga hubungan silaturahim yang terjalin, bukan sahaja dapat meningkatkan interaksi di kalangan tuan-tuan dan puan-puan, malah hubungan erat yang terjalin ini akan dapat diterjemahkan dalam melaksanakan tugas di pejabat masing-masing yang mana sekaligus akan dapat meningkatkan mutu dan produktiviti kerja jabatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Selain daripada mengejar kecemerlangan dalam sukan, kita juga mahu warga KKR memberi perhatian kepada pembangunan generasi masa hadapan yang cemerlang dan berdaya saing. Sehubungan itu, saya juga difahamkan bahawa dalam majlis ini juga kita akan meraikan anak-anak warga KKR yang cemerlang dalam bidang akademik di peringkat SPM dan PMR tahun 2019. Penghargaan dan pengiktirafan turut kita berikan kepada ibubapa mereka yang sentiasa memberi sokongan dan berkorban demi kecemerlangan anak-anak. Diharap mereka akan terus cemerlang dan semoga penghargaan ini akan menjadi pembakar semangat kepada warga dan anak-anak yang lain untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

6. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan KKR di bawah pimpinan Encik Izamael Zamzuri Bin Ismail, Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan KKR di atas penganjuran Kejohanan Sukan Antara Bahagian dan program Sumbangan kepada Anak-Anak Cemerlang ini.

Tanpa komitmen dan usaha daripada pihak Jawatankuasa sudah pasti program ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kepada para peserta dan anak-anak sekalian, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kerana komitmen cemerlang yang telah ditunjukkan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh